POLITEKNIK MALAYSIA HULU TERENGGANU

# PHT HEBAT

**Volume 1, Edisi 2** | **Edisi Jun– Disember**

## ISI KANDUNGAN


ALUAN PENGARAH 2

PENCAPAIAN PHT 6

UNIT SUKAN 10

UNIT AKADEMIK 12

UNIT PENYELIDIKAN DAN LAIN-LAIN 20



### JAWATANKUASA PENERBITAN

**PENASIHAT**

Tn Haji Wan Mohd Hujjatullah bin Wan Ghazali, A.N.S

**KETUA EDITOR**

Nurul Ilyani Abdullah

**EDITOR**

Che Ku Norzuraida Binti Che Ku Long

Dameliza Binti Damain

Zaidah Binti Mamat

Afifatun Nadhirah Bt Awang

Mohd Hishamudin Bin Mat




## Ekslusif Edisi 2

### PHT DIIKTIRAF MS ISO 9001: 2015

PHT merupakan salah sebuah politeknik di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia memulakan operasi pada 12 Mei 2008 di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Dungun dengan menawarkan 2 program utama iaitu Diploma Perakaunan dan Diploma Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti. Pada Jun 2010, PHT telah memindahkan operasi ke Daerah Hulu Terengganu dengan menyewa salah sebuah bangunan yang dimiliki oleh Majlis Daerah Hulu Terengganu di Bandar Kuala Berang. Hingga kini, PHT mempunyai hampir 400 orang pelajar dengan kekuatan kakitangan seramai 75 orang yang terdiri daripada pelbagai kelulusan. Antara jabatan utama yang terdapat di PHT ialah Jabatan Perdagangan, Jabatan Pelancongan & Hospitaliti, dan Jabatan Pengajian Am. PHT telah mendapat pengiktirafan MS ISO 9001:2015 baru-baru ini. Audit ini telah dijalankan pada 8 hingga 9 Julai 2018 yang lalu. Pensijilan ISO membuktikan PHT komited memberikan perkhidmatan pendidikan yang terjamin dari segi kualiti kepada para pelajar serta PHT mendapat kepercayaan daripada pihak berkepentingan (stakeholders) iaitu ibu bapa, industri, KPM dan JPP. Sejak penubuhan PHT sehingga Sesi Jun 2017 hampir 770 graduan telah dilahirkan di PHT.




**MENARIK EDISI INI**

* ECO CHALLENGE DISCOVERY KENYIR 2018
* ON JOB TRAINING DI ENAP DESA TELUK KETAPANG
* CARE FEST ZON TIMUR 2018

# ALUAN PENGARAH

**Assalamualaikum WBT** Ucapan terima kasih kepada warga PHT kerana sudi memberi ruang kepada saya untuk menitip kata dalam buletin PHT Hebat Edisi 2,kali ini. Ucapan tahniah dan syabas buat sidang redaksi buletin PHT dalam menerbitkan buletin PHT Hebat Edisi 2 ini. Juga ucapan terima kasih kepada semua pihak dalam menyempurnakan penerbitan buletin ini. Saya yakin buletin PHT Hebat ini dapat melihatkan komitmen dan kegigihan warga PHT dalam meneruskan legasi kegemilangan PHT untuk Tahun 2019. Semoga Buletin PHT Hebat ini dapat dijadikan sebagai panduan dalam meningkatkan semangat kerjasama berpasukan dalam mencapai kejayaan yang cemerlang pada tahun 2019. Semoga semua urusan dan tugasan kita dipermudahkan. Selamat Membaca.



**Hj. Wan Mohd Hujjatullah bin Wan Ghazali, A.N.S**

**PHT Leads Your Future.**

*Hj Wan Mohd Hujjatullah bin Wan Ghazali, A.N.S*
Pengarah
Politeknik Hulu Terengganu

# LATARBELAKANG POLITEKNIK HULU TERENGGANU




# PROGRAM YANG DITAWARKAN



Oleh: Che Ku Norzuraida Binti Che Ku Long



# 10 FAKTA MENARIK TENTANG PHT (2008-2018)

1. Politeknik yang ke 26 ditubuhkan di Malaysia
2. Mendapat Pengiktirafan Sijil MS ISO 9001: 2015 pada Julai 2018
3. Sepanjang tempoh penubuhan seramai 4 orang pengarah telah menerajui pucuk pimpinan PHT
4. Peratus kebolehpasaran graduan PHT 98.3%
5. Kolaborasi bersama 21 agensi
6. Pernah melahirkan ikon sukan antrabangsa
7. Mendapat pengiktirafan Malaysian Book of Records dalam menganjurkan kursus Business Online 2016
8. Diberi mandat untuk menganjurkan Polythecnic Entrepneurship Awards 2017
9. Konsisten dalam penyertaan dalam penyelidikan dan inovasi setiap tahun
10. Aktif menjalankan program bersama komuniti



Kampus sementara PHT




# MITOS TENTANG PHT

1. Dikenali sebagai Politeknik Kuala Berang
2. Politeknik Hulu Terengganu terletak di kawasan pedalaman
3. Politeknik yang tidak dikenali ramai
4. Politeknik dibawah kelolaan Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin
5. Politeknik yang tidak standing politeknik yang lain

**Politeknik Hulu Terengganu dipanggil Politeknik Kuala Berang**

# ULASAN EDITOR



Che Ku Norzuraida Che Ku Long
Unit Komunikasi Korporat

Pendidikan di Politeknik mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1969. Politeknik Hulu Terengganu merupakan politeknik yang ke 26 ditubuhkan di Malaysia. Pada tahun 2018.

Seiring dengan objektif penubuhan politeknik antaranya menerajui bidang tujahan dan teknologi tertentu bagi menghasilkan graduat berkualiti yang berdaya usahawan, dan berkebolehpasaran tinggi dan berdaya saing, PHT akan terus memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam menghasilkan graduan yang berkualiti serta berdaya saing.

# STATISTIK PELAJAR PHT




# STATISTIK KONVOKESYEN




# PENCAPAIAN KPI POLYPMO



# PENCAPAIAN POLYRATE



Kerjasama daripada seluruh warga PHT untuk mencapai KPI yang cemerlang pada masa hadapan

**Nor Ain Solihah Mohd Razali**

**Penyelaras KPI PHT**




# LENSA MEDIA SEPANJANG 2018















PHT sedikit sebanyak telah menjenamakan imej TVET di politeknik dalam tahun 2018, tahun 2019 adalah tahun untuk melonjakkan lagi nama PHT di dalam semua peringkat

**Nurul Ilyani Abdullah**

**Ketua Unit Komunikasi Korporat**

Oleh: Nurul Ilyani Abdullah



# KEJAYAAN PHT DI TAHUN 2018

## CARE FEST ZON TIMUR 2018

CARE Fest Zon Timur 2018, anjuran Politeknik Hulu Terengganu dengan kerjasama BKIK JPPKK telah diadakan di Dataran MDHT pada 21-22 Oktober 2018. Pelancaran ini telah disempurnakan oleh Dato KP JPPKK iaitu Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ismail Bin Abd Aziz. Penyerahan COC kepada 21 agensi Rakan Strategik Politeknik Hulu Terengganu juga telah diadakan. Antara impak CARE Fest yang telah dijalankan adalah untuk mempromosi dan memperkasakan PHT serta Politeknik Malaysia sebagai peneraju dan Pusat Kecemerlangan pendidikan TVET di Malaysia.



## CERTIFICATE OF COLLABORATION(COC) 21 AGENSI








Penyerahan COC kepada 21 agensi Rakan Strategik Politeknik Hulu Terengganu telah diadakan pada 21 Oktober 2018 bagi memperkasakan PHT serta Politeknik Malaysia sebagai peneraju dan Pusat Kecemerlangan pendidikan TVET di Malaysia.

**Hj. Wan Hujjatullah bin Wan Ghazali, A.N.S**
**Pengarah Politeknik Hulu Terengganu**

# PHT DAN KOMUNITI

## POLYKASIH KEMPEN DERMA DARAH

Unit Hal Ehwal Pelajar PHT dengan kerjasama Unit Tabung Darah, Hospital Sultanah Nur Zahirah telah menganjurkan Kempen Derma Darah di PHT hari ini 25 Julai 2018. Program ini diadakan di Bilik Seminar Politeknik Hulu Terengganu. Program ini diadakan kerana terdapat permintaan yang tinggi terhadap bekalan darah di HSNZ serta bertujuan untuk PHT sama-sama menyumbang dalam membekalkan darah yang selamat dan mencukupi untuk kegunaan pesakit di HSNZ.



**Pengarah PHT bersama penderma darah**

Kempen ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada warga PHT yang terdiri daripada pelajar dan kakitangan PHT. Seramai 45 penderma sukarela diperolehi dalam kempen menderma darah ini dan setiap penderma juga berpeluang berbincang mengenai keadaan kesihatan mereka semasa pendaftaran. Sampel darah juga diambil untuk menentukan penderma yang layak manakala penderma yang tidak memenuhi kriteria umum untuk menderma darah dibatalkan. Setelah melalui ujian saringan ini, seramai 31 orang telah berjaya menderma darah pada kali ini. Kempen derma darah ini juga merupakan program yang wajib diadakan di PHT setiap kali semester baru bermula.

Pengarah program ini En. Abdullah @ Mat Yusof bin Yaacob berkata objektif program ini adalah untuk memupuk kesedaran dan menggalakkan warga PHT menderma darah selari dengan tanggugjawab sosial kepada masyarakat dan negara.

## CSR DI NATIONAL ELEPHANT CONSERVATION CENTRE, KUALA GANDAH PAHANG

Unit Komunikasi Korporat dan Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti PHT telah mengadakan Program Explore & Learn di National Elephant Conservation Centre, Kuala Gandah Pahang. Fokus gotong royong ialah surau,taman dan kandang gajah.Program dihadiri 33 orang pelajar serta 2 orang pensyarah pengiring






**Pelajar DUP4 yang terlibat dalam menjayakan program di National Elephant Conservation Centre, Kuala Gandah Pahang.**

## CSR LOVE MY SCHOOL

Relasis Politeknik Hulu Terengganu dan PIBG SIF dan JK 3K Sekolah bersama Kor Suksis UMT & UKM serta dibantu oleh KSIBK & Alumni SIF telah mengadakan Program *LOVE MY SCHOOL*. Fokus gotong royong ialah surau,taman,10 buah kelas hujung,luar pagar sekolah dan meletakkan 10 papan tanda kata-kata hikmah sumbangan



**Relasis PHT sedia membantu**

**10 papan tanda kata-kata hikmah sumbangan penduduk kampung dan PHT**

# CSR KELESTARIAN ALAM:BAKAU FOREST FRIEND

Program CSR Kelestarian Alam:Bakau Forest Friend (BFF) telah diadakan di Taman Bencah Setiu. Program ini melibatkan 40 orang termasuk 27 pelajar baharu Sesi Dis 2018 yang telah mendaftar di PHT pada 2 Disember yang lalu. Pelajar yang terlibat ini merupakan pelajar dari Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti serta Jabatan Perdagangan. Program ini mendapat kerjasama dari Persatuan Wanita Mangkok, Setiu (PEWANIS). Para pelajar telah menanam 100 anak pokok bakau di sekitar Taman Bencah Setiu. Menyedari betapa pentingnya hutan paya bakau kepada alam, PHT tampil untuk me-lin-dungi dan memulihara sumber alam itu khususnya di daerah Setiu ini.

Pensyarah, Khairul bin Mohd Azemi menyatakan objektif program adalah untuk menjalinkan kerjasama yang padu diantara masyarakat setempat dan warga PHT. Ia juga dapat meningkatkan kesedaran tentang kepentingan menjaga ekosistem alam demi kelestarian alam masa hadapan. Program yang diadakan ini merupakan satu program yang mencapai objektif satu politeknik satu komuniti.




**Peserta Program CSR Kelestarian Alam memberi komitmen sepenuhnya walaupun hujan**

# KERATAN AKHBAR

**Sinar Harian 26 Julai 2018, m/s 36, Ruangan Hulu Terengganu**



HULU TERENGGANU

Suasana sewaktu Program Kempen Derma Darah di PHT di Kuala Berang, semalam.

**Politeknik anjur kempen derma darah**

KUALA BERANG - Unit Hal Ehwal Pelajar Politeknik Hulu Terengganu (PHT) dengan kerjasama Unit Tabung Darah, Hospital Sultanah Nur Zahirah anjurkan Kempen Derma Darah, di sini, semalam.

Bertempat di Bilik Seminar PHT, seramai 31 penderma layak menderma sekali gus membantu mengisi tabung darah di hospital bagi membantu mereka yang memerlukan.

Pengarah program, Abdullah @ Mat Yusof Yaacob berkata, kempen derma darah sedemikian merupakan program wajib diadakan di PHT setiap kali semester baharu bermula.

"Objektif program adalah untuk memupuk kesedaran dan menggalakkan warga PHT menderma darah selari dengan tanggungjawab sosial kepada masyarakat kerana 'setitik darah mampu selamatkan satu nyawa'.

"Seramai 45 individu sukarela untuk menderma darah pada program kali ini namun setelah jalani ujian saringan hanya 31 orang sahaja yang boleh berbuat demikian.

"Mereka yang terlibat juga berpeluang berbincang tahap kesihatan mereka sewaktu sesi pendaftaran. Usaha PHT ini diharapkan juga dapat tingkatkan kesedaran masyarakat untuk sama-sama menderma darah," katanya.



PHT akan terus memberi perkhidmatan terbaik kepada komuniti setempat untuk tahun 2019

**Roslina Idris**

**Pegawai YES PHT**

# PUSPANITA PHT KUNJUNGI RUMAH ANAK YATIM BAITUL SAKINAH

Puspanita PHT turut membantu anak-nak yatim dari Rumah Anak Yatim Baitul Sakinah. Ini merupakan salah satu daripada program kebajikan tahunan yang dilaksanakan oleh Puspanita PHT. Usaha murni ini sedikit sebanyak dapat meringankan sedikit bebanan serta menceriakan penerima sumbangan yang terdiri daripada anak-anak yatim.



**Anak-anak yatim Baitul Sakinah gembira mendapat sumbangan dari Puspanita PHT**

# PHT DAN SUKAN

## JOM SIHAT

Unit Hal Ehwal Pelajar PHT dengan Program Jom Sihat ialah program senamrobik yang dianjurkan oleh Kelab Pelancongan PHT. Ia adalah satu program yang dijalankan bagi memupuk gaya hidup sihat dan cergas supaya dapat dipraktikkan di dalam kehidupan seharian warga PHT. Penganjur program, Pn. Siti Murni Mat Ali menyatakan program ini dijalankan bagi membudayakan aktiviti sihat untuk dipraktikkan di politeknik. Matlamat program ini juga adalah untuk melahirkan warga PHT yang cergas dan sihat serta memupuk warga PHT sentiasa bersenam di sepanjang minggu dan seterusnya sepanjang kehidupan mereka.

Aktiviti senamrobik merupakan senaman sesi memanaskan bdan yang menarik sebelum melaksanakan aktiviti bersukan. Melalui senamrobik, tahap kesediaan untuk melakukan aktivtiti daripada intensiti rendah ke tahap intensiti tinggi akan lebih terancang disamping membantu meransang otot dan tubuh badan secara teratur. Aktiviti senamrobik ini merupakan senaman yang terancang yang dilakukan beramai-ramai untuk meningkatkan kecergasan disamping memperoleh keseronokan dan ketenangan minda.



**Staf PHT melakukan senaman untuk sahut cabaran Jom Sihat**

Program Jom Sihat ini juga telah dihadiri oleh Pengarah Politeknik Hulu Terengganu, Hj Wan Mohd Hujjatullah bin Wan Ghazali A.N.S serta 50 orang staf PHT.

# JOM MAKAN BUAH-BUAHAN TEMPATAN

Kempen jom makan buah-buahan tempatan telah dijalankan di PHT pada 18 Julai 2018. Kempen makan buah-buahan tempatan ini mendapat sambutan amat menggalakkan daripada warga PHT. Jika sebelum ini dilihat kebanyakan mereka lebih suka makan buah-buahan import tetapi kini tidak lagi. Walaupun memiliki banyak khasiat untuk kesihatan, ramai masih tidak menyedari kelebihan buah-buahan tempatan. Menurut Pengarah Program, Pn. Herdayanty Abdul Vziz, berikutan itu, bagi meningkatkan kesedaran pemakanan buah-buahan tempatan dalam kalangan warga PHT, kempen Jom Makan buah-buahan tempatan ini dijalankan. Dengan pendedahan ini sedikit sebanyak mampu mempopularkan kembali buah-buahan tempatan yang kian dilupakan. Dalam kempen jom makan buah-buahan tempatan ini, sebanyak 100 kg buah durian dan manggis telah disediakan untuk warga PHT.



**Jom makan buah-buahan tempatan**

# KERATAN AKHBAR

**Sinar Harian, 22.7.2018, m/s 37 Ruangan Hulu Terengganu**

**Sinar Harian, 2.8.2018, m/s 36 Ruangan Hulu Terengganu**



36

HULU TERENGGANU

Suasana sewaktu Program Jom Sihat PHT di Kuala Berang, kelmarin melibatkan aktiviti senamrobik.

## PHT pupuk budaya hidup sihat

KUALA BERANG- Bagi memupuk gaya hidup sihat dan cergas dalam kalangan warga Politeknik Hulu Terengganu (PHT), Kelab Pelancongan PHT anjurkan Program Jom Sihat.

Penyelaras program, Siti Murni Mat Ali berkata usaha itu diharapkan menjadi langkah permulaan untuk warga PHT pratikkan dalam kehidupan seharian.

"Program ini dijalankan bagi membudayakan aktiviti sihat untuk dipraktikkan di politeknik untuk melahirkan warga PHT yang cergas dan sihat serta memupuk warga PHT. Tiada alasan untuk tidak bersenam.

"Aktiviti senamrobik salah satu bentuk senaman boleh dilakukan dan ia tambah seronok apabila diadakan secara berkumpul khususnya bersama kawan-kawan," katanya.

*"Program ini dijalankan bagi membudayakan aktiviti sihat untuk dipraktikkan di politeknik."* - Siti Murni

Program Jom Sihat yang diadakan di politeknik berkenaan, di sini, kelmarin itu dimeriahkan kira-kira 50 warga PHT termasuk Pengarah PHT, Wan Mohd Hujjatullah Wan Ghazali.



## Pesta makan buah-buahan di PHT

KUALA BERANG - Musim buah-buahan kini turut menarik minat Politeknik Hulu Terengganu (PHT) mengambil inisiatif anjurkan Kempen Jom Makan Buah-Buahan Tempatan buat warga politeknik berkenaan.

Pengarah program, Herdayanty Abdul Aziz berkata, 100 kilogram durian dan manggis disediakan sempena aktiviti tersebut yang diadakan bagi menarik minat khususnya penuntut PHT untuk makan buah-buahan tempatan berbanding import.

"Melalui penganjuran program sebegini, ia diharapkan dapat mempopularkan lagi buah-buahan tempatan yang mungkin kian dilupakan oleh segelintir individu atau tidak lagi jadi pilihan utama.

"Selain itu, kita juga ingin meningkatkan kesedaran pemakanan buah-buahan tempatan dalam kalangan warga PHT apatah lagi ia sememangnya kaya dengan pelbagai khasiat," katanya menerusi satu kenyataan media.

Tambah beliau, inisiatif itu secara tidak langsung diharapkan mampu membantu golongan pekebun buah-buahan dan ketibaan musim buah juga merupakan salah satu cabang pelancongan yang dapat menarik kedatangan pelancong ke daerah ini.

Katanya, berdasarkan pemerhatian sebelum ini penuntut lebih memilih buah import dan melalui kempen tersebut ia telah dapat menukar senario sedemikian.

Suasana sewaktu berlangsung Kempen Jom Makan Buah-buahan Tempatan di kampus sementara PHT di Kuala Berang.

**Oleh: Nurul Ilyani Abdullah**



# ECO CHALLENGE DISCOVERY KENYIR 2018

Eco Challenge Discovery Kenyir 2018 ini adalah satu program yang berbentuk rekreasi luar bagi menguji daya ketahanan fizikal peserta dan membina jati diri murni secara menyeluruh agar setiap pengisian disiplin yang dilakukan dapat mencapai objektif penyertaan. Penganjuran program ini juga, secara tidak langsung, dapat memupuk semangat kerjasama sesama pelajar dari setiap institusi pendidikan dan seterusnya dari setiap individu yang menyertai kejohanan kali ini. Pengisian aktiviti pada penganjuran kali ini adalah peserta akan berkayak sejauh 16 km dan peserta perlu berhenti dan melakukan tugasan yang akan diberikan di setiap check point.

Program ini adalah anjuran Unit Sukan, Kokurikulum & Kebudayaan (USKK) PHT dengan kerjasama Majlis Sukan Politeknik Malaysia serta KETENGAH. Peserta terdiri dari 50 orang pelajar yang mana dari Politeknik Hulu Terengganu, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Politeknik Kuala Terengganu dan Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah serta 6 orang pegawai pengiring.

Pengarah PHT, Hj. Wan Mohd Hujjatullah menyatakan program ini adalah satu lagi projek untuk meningkatkan jatidiri siswa siswi politeknik melalui aktiviti cabaran berkayak merentasi Tasik Kenyir. Impak program ini menzahirkan kemantapan jatidiri, daya tahan dan semangat juang yang tinggi, sanggup menghadapi cabaran dan rintangan serta mempunyai tahap keyakinan diri yang hebat. Inilah potensi yang diperlukan untuk politeknik melahirkan graduan cemerlang dan holistik demi kemajuan dan pembangunan negara kita tercinta.

Oleh yang demikian, program ini dilihat telah mencapai objektif di mana dapat memartabatkan kegiatan rekreasi kepada setiap peserta dari setiap institusi pendidikan tinggi tempatan.






**Peserta kayak di Tasik Kenyir**



HULU TERENGGANU. DUNGUN

Antara penuntut yang menyertai Eco Challenge Discovery Kenyir 2018 di Tasik Kenyir.

**50 penuntut cabar mental, fizikal dengan berkayak**

KUALA BERANG - Ketahanan mental dan fizikal 50 penuntut daripada empat politeknik dari Terengganu dan Pahang teruji melalui aktiviti berkayak sejauh hampir 20 kilometer sempena Eco Challenge Discovery Kenyir 2018.

Program diadakan di Tasik Kenyir itu merupakan anjuran Unit Sukan, Kokurikulum & Kebudayaan (USKK) Politeknik Hulu Terengganu (PHT) dengan kerjasama Majlis Sukan Politeknik Malaysia serta Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah.

Politeknik terlibat ialah PHT, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Politeknik Kuala Terengganu serta Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah dan enam pegawai turut mengiringi para peserta berkayak.

Pengarah PHT, Wan Mohd Hujjatullah Wan Ghazali berkata, program tersebut merupakan satu lagi projek untuk meningkatkan jati diri siswa siswi politeknik melalui aktiviti cabaran berkayak merentasi Tasik Kenyir.

"Impak program ini menzahirkan kemantapan jati diri, daya tahan dan semangat juang yang tinggi, sanggup menghadapi cabaran dan rintangan serta mempunyai tahap keyakinan diri yang hebat.

"Inilah potensi diperlukan untuk politeknik melahirkan graduan cemerlang dan holistik demi kemajuan dan pembangunan negara kita tercinta.

"Secara tidak langsung, dapat memupuk semangat kerjasama sesama penuntut dari setiap institusi pendidikan dan seterusnya dari setiap individu yang menyertai kejohanan kali," katanya dalam satu kenyataan.

**Sinar Harian, 15.10. 2018, m/s 34 Ruangan Hulu Terengganu, Dungun**



PHT diharap layak beraksi menggalas harapan Negara pada tahun 2019.

**Mohd Razhan Ariff Mohd Zain**
**Ketua Unit Sukan Kebudayaan dan Kokurikulum**

## PELAJAR SANA SINI

# MINGGU TRANSFORMASI SISWA PHT MEMBUDAYAKAN PERPADUAN SERTA MERAIKAN KEPELBAGAIAN

Pendaftaran Pelajar Baharu Sesi Jun 2018 telah diadakan dengan jayanya di Bilik Seminar PHT. Seramai 50 orang pelajar dari seluruh Malaysia telah terpilih melanjutkan pelajaran di Politeknik Hulu Terengganu, mereka ini termasuklah pelajar yang berbangsa India dan Cina. Pendaftaran pelajar baharu ini telah berlangsung seawal jam 8.30pagi. Para pelajar baharu juga telah melalui proses semakan dokumen,pengambilan no pendaftaran dan gambar kad pelajar, serta pengambilan barangan seperti beg,baju korporat dan tshirt di KOOP PHT.

Taklimat bersama ibu bapa telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama yang mana telah disampaikan oleh Pengarah PHT, Hj. Wan Mohd Hujjatullah bin Wan Ghazali, A. N. S. Antara intipati taklimat bersama ibu bapa ialah berkenaan PHT dan juga kejayaan yang telah dicapai oleh PHT sebelum ini.Para pelajar baharu pada minggu ini juga akan melalui Minggu Transformasi Siswa yang dikendalikan oleh pihak Hal Ehwal Pelajar dan para fasilitator iaitu Majlis Perwakilan Pelajar PHT.



PHT diserikan dengan kehadiran pelajar dari bangsa Cina dan juga India.

Menurut Pegawai Hal Ehwal Pelajar PHT, En Abdullah @ Mat Yusof Bin Yaacob, salah satu objektif Minggu Transformasi Siswa pada kali ini ialah membudayakan perpaduan serta meraikan kepelbagaian kerana pada kali ini PHT diserikan dengan kehadiran pelajar dari bangsa Cina dan juga India.

## KERATAN AKHBAR



HULU TERENGGANU

**PHT terima 50 pelajar baharu**

KUALA BERANG - Seramai 50 pelajar dari seluruh Malaysia terpilih melanjutkan pelajaran di Politeknik Hulu Terengganu (PHT) bagi sesi Jun 2018.

Pada sesi pendaftaran berkenaan, Pengarah PHT, Wan Mohd Hujjatullah Wan Ghazali turut menyampaikan taklimat kepada ibu bapa khususnya berkaitan PHT dan kejayaan dicapai institusi pendidikan tersebut.

Menurut Pegawai Hal Ehwal Pelajar PHT, Abdullah @ Mat Yusof, pelajar tersebut akan melalui orientasi sepanjang Minggu Transformasi Siswa yang dikendalikan pihak Hal Ehwal Pelajar dan para fasilitator iaitu Majlis Perwakilan Pelajar PHT.

"Salah satu objektif Minggu Transformasi Siswa pada kali ini ialah membudayakan perpaduan serta meraikan kepelbagaian kerana pada kali ini PHT diserikan dengan kehadiran pelajar dari bangsa Cina dan juga India.

"Pada hari pendaftaran, pelajar baharu juga melalui proses semakan dokumen, pengambilan nombor pendaftaran dan gambar kad pelajar serta barangan seperti beg, baju korporat dan t-shirt di koperasi PHT," katanya.

**Sinar Harian, 29.6.2018, Ruangan Hulu Terengganu**

**Sinar Harian, 18.7.2018, m/s 36 Ruangan Hulu Terengganu**



HULU TERENGGANU

Warga PHT bergambar kenangan sempena Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar Sesi Disember 2017 yang diadakan secara serentak dengan Sambutan Hari Raya Aidilfitri.

**Pelajar cemerlang PHT dirai**

KUALA BERANG- Politeknik Hulu Terengganu (PHT) mengadakan Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar Sesi Disember 2017 bagi meraikan penuntut yang raih kejayaan sekali gus sebagai suntikan semangat kepada pelajar lain.

Majlis tersebut pastinya tambah bermakna dan meriah apabila ia turut diadakan secara serentak dengan Sambutan Aidilfitri Peringkat PHT bertempat di Dewan Majlis Daerah Hulu Terengganu, di sini.

Pengarah PHT, Wan Mohd Hujjatullah Wan Ghazali berkata majlis anugerah sekaligus memberi motivasi kepada pelajar lain untuk mengikut kejayaan penerima serta dekatkan lagi institusi berkenaan dengan masyarakat setempat.

"Seramai 55 pelajar menerima Anugerah Ketua Jabatan dan 92 pelajar lagi mendapat Anugerah Ketua Program dari dua jabatan iaitu Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti serta Jabatan Perdagangan.

"Sempena majlis ini juga kita selitkan juga slot aktiviti ceramah daripada pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan sebagai satu usaha PHT memastikan pelajar dapat maklumat sepenuhnya berkaitan bahaya dadah.

"Kita ingin pastikan anak-anak PHT lebih celik dan menjadi modal insan yang sihat serta menjadi kebanggaan negara," katanya dalam satu kenyataan media.

Sementara itu, sambutan Hari Raya turut diserikan lagi dengan pertandingan gerai tercantik yang melibatkan 10 penyertaan dan hadiah kepada pemenang disampaikan Wan Mohd Hujjatullah.

# 300 PELAJAR PHT DIRAI

PHT telah menganjurkan Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri secara serentak untuk pelajar-pelajar PHT dari semester 1 hingga semester 6. Seramai 55 orang pelajar telah mendapat Anugerah Ketua Jabatan dan 92 orang pelajar pula mendapat Anugerah Ketua Program dari 2 jabatan iaitu Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti serta Jabatan Perdagangan. Majlis Anugerah Ketua Jabatan juga Ketua Program ini diadakan bertujuan untuk meraikan kejayaan para pelajar yang mencapai tahap pencapaian membanggakan, di samping memberi semangat serta motivasi kepada pelajar lain untuk mengikuti kejayaan mereka. Program Sambutan Hari Raya Aidilfitri pula bertujuan untuk menerapkan nilai murni saling bermaaf-maafan dalam kalangan pelajar dan pensyarah serta menanamkan sifat cintakan perpaduan kaum.



Pengarah PHT, pensyarah, staf dan pelajar dalam majlis ini

# PELAJAR SANA SINI

## KURSUS ASAS REKREASI LUAR TAHAP 1

Kursus Asas Rekreasi Luar Tahap 1 ini ini adalah satu aktiviti yang dirancang untuk membantu pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi kursus DTM3023- Recreational Tourism 1 (Terrestial). Program ini juga merupakan satu latihan amali luar dalam memberikan pendedahan dan pengalaman sebenar dalam sesuatu kemahiran rekreasi darat. Kursus ini melibatkan 2 orang pensyarah dan 25 orang pelajar PHT. Ia telah dilaksanakan di tapak perkhemahan Taman Pertanian Sekayu pada 8-10 November 2018 yang lalu.

Program ini dijalankan dibuat musim tengkujuh dan amat mencabar fizikal peserta dalam kalangan pelajar PHT ini.

Menurut pensyarah yang terlibat dalam program ini, Mohd Azamrul Harun menyatakan program seperti ini dijalankan bagi mempraktikkan teori yang pelajar pelajari dalam bilik kuliah ke situasi sebenar. amali bagi aktiviti tali ( abseiling dan zip line) serta amali berkayak.



Amali bagi aktiviti tali

## KERATAN AKHBAR

**Sinar Harian, 12. 11. 2018, Ruangan Hulu Terengganu**





HULU TERENGGANU 33

### 25 penuntut Politeknik Hulu Terengganu uji diri

KUALA BERANG – Ketahanan mental dan fizikal 25 penuntut Politeknik Hulu Terengganu (PHT) teruji sepanjang tiga hari mengikut Kursus Asas Rekreasi Luar Tahap 1.

Kursus yang diadakan di tapak perkhemahan Taman Pertanian Sekayu itu turut disertai dua pensyarah dan merupakan satu bentuk latihan amali kepada semua peserta.

Pensyarah terlibat, Mohd Azamrul Harun berkata, kursus dijalankan bagi mempraktikkan teori dipelajari di bilik kuliah ke situasi sebenar dan cabaran lebih dirasai kerana dijalankan pada musim tengkujuh.

"Kursus ini dirancang untuk membantu peserta dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi kursus DTM3023- Recreational Tourism 1 (Terestial).

"Program ini juga merupakan satu latihan amali luar bagi memberikan pendedahan dan pengalaman sebenar dalam sesuatu kemahiran rekreasi darat," katanya.

*"Kursus ini dirancang untuk membantu peserta dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi kursus DTM3023- Recreational Tourism 1."* – Mohd Azamrul

Kursus Asas Rekreasi Luar Tahap 1 di Taman Pertanian Sekayu menguji kekuatan mental dan fizikal peserta.



Pelajar DUP didedahkan dengan pelbagai aktiviti di luar kelas bagi meningkatkan kefahaman supaya senang berada dalam industri nanti.

**Fahimdin bin Mohd Yusof @ Kamal**
**Ketua Program DUP**

## PROGRAM EXPLORE AND LEARN @MUSEUM

Program 'Explore and Learn @ Museum' ini telah dianjurkan oleh Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, Politeknik Hulu Terengganu yang mana melibatkan pembelajaran di lapangan tentang teknik interpretasi di muzium, teknik penyampaian komentar oleh pemandu pelancong serta pendedahan peluang kerjaya dan cabaran sebagai pemandu pelancong. Program ini telah disertai oleh para pelajar DUP 2A dan DUP5A yang mengambil kursus DTM3033 (Tourist Guiding Techniques) dan DTM6014 (Visitor Interpretation Techniques)

Program ini dilaksanakan bagi memberi pendedahan kepada pelajar tentang teknik interpretasi dan teknik penyampaian komentar, peluang kerjaya serta menimba ilmu sebanyak yang mungkin melalui penerokaan secara kendiri serta penyampaian taklimat oleh Pengerusi Persatuan Pelancongan Negeri Terengganu dan pihak Muzium negeri Terengganu ini sendiri.





Oleh: Nurul Ilyani Abdullah



## JPH DAN TTGA(Terengganu Tourist GuideAssociate)



Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti PHT mengadakan perbincangan kolaborasi bersama TTGA(Trg Tourist Guide Associate)




## PHT TRAVEL MEMBUAT PAKEJ KE LANGKAWI

## PROGRAM EXPLORE AND LEARN @RTM ANGKASAPURI



Unit Komunikasi Korporat PHT bersama Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti PHT telah mengadakan Program Explore and Learn di RTM Angkasapuri Kuala Lumpur bagi mencapai objektif Kursus DTM 6014(Visitor Interpretation Services) pada 28 September 2018.

## LAWATAN KONSTRUKTUAL KE SUNWAY LAGOON



Lawatan Konstruktual & PPI Tourism Malaysia dan Professionalism dan Customer Service di Sunway Lagoon Theme Park pada 16 Oktober 2018 bersama kelas DUP1.

## FRUIT CARVING PSH



Sesi ukir buah antara PSH yang dianjurkan oleh JPH PHT. Turut serta Dr Ibrahim,Dekan daripada University Bestari College.

## SIMULASI TGT



Simulasi Teknik Pemandu Pelancong untuk subjek DTM3033 Tourist Guiding Techniques telah diadakan di Pulau Pinang pada 5-7 September 2018 .

Oleh;Dameliza Damain

# USAHAWAN KERJAYA PILIHAN GRADUAN PHT

## USAHAWAN TUDUNG

Minat yang tinggi terhadap bidang perniagaan sejak zaman sekolah telah melahirkan seorang usahawanita berjaya yang merupakan graduan lepasan Diploma Perakaunan Politeknik Hulu Terengganu. Beliau menjalankan perniagaan atas talian sejak tahun 2014 semasa masih bergelar pelajar PHT. Beliau merupakan anak kelahiran Kuala Terengganu dan dilahirkan pada 4 jun 1996. Kini, selain mempunyai pekerjaan tetap beliau masih aktif menjalankan perniagaan dan memperolehi pendapatan perniagaan yang agak lumayan.

NUR AISHAHTUN AIZAN BINTI MAT GHANI






## USAHAWAN POMADE

NAIM SYAQIMI BIN ZAIDI



Beliau merupakan pemilik Sya Qimy Trading dan perniagaan tersebut ditubuhkan pada tahun 2016. Beliau merupakan anak kelahiran Kuala Terengganu dan dilahirkan pada 17 September 1996. Naim Syaqimi merupakan graduan lepasan Diploma Pelancongan Politeknik Hulu Terengganu. Beliau menjalankan perniagaan membekalkan minyak rambut lelaki dan memprolehi pendapatan bulanan RM3000-RM4000.




## USAHAWAN PAKAIAN

NUR WARDATUL AMANI BT KASIH

Beliau merupakan usahawan yang menjual baju-baju dan tudung yang diambil dari Vietnam. Beliau juga membuka gerai di pekan sehari iaitu pada hari Rabu di Kuala Berang. Merupakan graduan Diploma Pengurusan Pelancongan yang mana minat berniaga muncul apabila menolong bapa saudaranya meniaga.





# CSR JP

POLITEKNIK HULU TERENGGANU (17 SEPTEMBER 2018)- CSR JP ini merupakan projek kemasyarakatan yang julung kali diadakan di Jabatan Perdagangan, PHT. Projek ini berbentuk dua hala yang berkonsepkan 'memberi dan menerima' di antara pelajar-pelajar Diploma Akauntasi (DAT) dan peniaga-peniaga yang di bawah naungan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) di Hulu Terengganu.Projek ini adalah 2 dalam 1 yang mana pelajar perlu menjalani latihan pratikal (sebelum LI) dan peniaga dapat menyediakan rekod perakaunan yang betul.Oleh yang demikian, konsep 'memberi dan menerima', diharapkan projek kemasyarakatan ini dapat memberi faedah kepada kedua-dua pihak iaitu pelajar semester akhir DAT dan peniaga-peniaga Amanah Ikhtiar Malaysia.





Pelajar semester akhir DAT dan peniaga-peniaga Amanah Ikhtiar Malaysia



Bengkel Rancangan Perniagaan untuk pelajar yang mengikuti kursus Keusahawanan di Politeknik Hulu Terengganu



DAT5 Politeknik Hulu Terengganu sedang menyiapkan akaun Usahawan AIM Kuala Berang di bawah Program CSR Perakaunan PHT



Jabatan perdagangan telah menjanjurkan majlis perpisahan Pn. Tuan Mastiniwati Bt Tuan Mansur di perpustakaan PHT



Kursus pengurusan akaun (simpan kira) kepada peniaga-peniaga kecil sekitar Bandar Kuala Berang

Seorang usahawan tidak dilahirkan semula jadi. Maknanya anak seorang usahawan tidak semestinya menjadi usahawan juga. Sebaliknya usahawan bukanlah seorang yang boleh dicipta sekelip mata.

Bidang keusahawanan sudah lama wujud sebagai pilihan kerja. Sejak zaman Rasulullah SAW keusahawanan ini telah memainkan peranan yang penting dalam pembentukkan tamadun islam. Kerjaya usahawanan juga menjadi pilihan umat islam khususnya pada awal kedatangan Islam. Rasulullah SAW juga memilih untuk menjadi usahawan pada ketika itu. Ini menunjukkan bahawa keusahawanan menjadi pilihan kerjaya masyarakat dahulu hingga kini.

Pelbagai usaha kerajaan perkenalkan membantu usahawan untuk terus maju dan secara tidak langsung memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat dan ekonomi negara. Pusat-pusat pengajian tinggi mula menawarkan kursus-kursus yang berkaitan dengan keusahawanan.

Ramai yang menjadi usahawan atas pilihan diri sendiri dan mereka sudah tentu bersedia untuk berjaya sebagai seorang usahawan. Cuba kita lihat, banyak papan iklan dan pengiklanan di Media massa memperkenalkan produk mereka khususnya bumiputera. Di PHT juga lahir usahawan yang dapat membantu ekonomi di Malaysia. Banyak produk-produk yang telah dihasilkan setanding dengan produk yang sedia ada di pasaran.



**Dameliza Damain**
**Unit Komunikasi Korporat PHT**

# Jabatan Pengajian Am

Jabatan Pengajian Am (JPA) terbahagi kepada dua unit kecil iaitu unit Pendidikan Islam dan unit Bahasa Inggeris. Tenaga kerja terkini bagi jabatan ini adalah seramai 8 orang memandangkan Madam Maizan Binti Mohamad (Unit Bahasa Inggeris) berjaya menyambung pelajaran ke peringkat master di Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA).

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan olehh JPA bagi sukuan ke-4 tahun 2018 adalah lawatan penanda aras ke Politeknik Port Dickson. Tujuan lawatan ini adalah untuk melihat serta berkongsi maklumat mengenai aktviiti serta pengurusan Pusat Islam memandangkan PHT akan berpindah ke kampus baru tidak lama lagi.





KATA HIKMAH

مَنْ جَدَّ وَجَدَ

**Sesiapa yang berusaha bersungguh-sungguh, pasti akan mendapat hasil**

**When there is a will, there is a way**

# Nabi Yunus dan Ikan Nun

Allah swt untuk berdakwah kepada penduduk Kota Niwana yang mengamalkan penyembahan berhala. Baginda menyeru kaumnya untuk menyembah Allah swt walaubagaimanapun, kaumnya mengingkari perintah tersebut bahkan mengejek seruan yang dibawa baginda lalu baginda memutuskan untuk meninggalkan kota tersebut dengan rasa marah.

Baginda membawa diri sehinggalah sampai di tepi pantai. Baginda melihat sebuah kapal yang ingin belayar lalu meminta izin nakhoda kapal untuk turut serta. Semasa dalam pelayaran, cuaca tiba-tiba berubah menjadi gelap dan angin kencang mula bertiup. Kapal tersebut terumbang-ambing dipukul ombak. Nakhoda telah memutuskan untuk mengurangkan barangan muatan termasuk bilangan penumpang. Undian telah dibuat sebanyak tiga kali, dan nama Nabi Yunus yang terpilih. Baginda menyedari bahawa keputusan itu berkemu-ngkinan disebabkan kesilapan baginda meninnggalkan kaum serta amanah Allah swt. Tanpa ragu, baginda terjun ke dalam lautan.

Sewaktu bergelut melawan gelombang, Allah swt telah mengutuskan ikan Nun untuk menelan baginda hidup-hidup dan menyimpannya tanpa cacat-cela. Baginda tidak henti berdoa dan bertasbih ketika berada di dalam perut ikan. Allah mendengar doa Nabi Yunus lalu mengarahkan ikan Nun melemparkan baginda ke pesisir pantai. Allah Yang Maha Penyayang menumbuhkan pohon labu, agar Nabi Yunus yang kurus serta lemah dapat memakan buahnya agar memiliki tenaga kembali. Setelah Nabi Yunus pulih, Allah SWT memerintahkan baginda kembali kepada kaumnya.

Sesuatu yang ajaib berlaku apabila baginda melihat kaumnya telah menyatakan keimanan mereka kepada Allah swt lalu baginda menetap di kota tersebut dan mengajarkan kitab tauhid dan menyempurnakan keimanan mereka

**Doa Nabi Nuh**

لَا إِلَٰهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِيْنَ

**Tiada Tuhan yang berhak disembah selainmu Ya Allah. Maha Suci Engkau. Sesungguhnya aku tergolong dalam golongan orang yang zalim.**

# KELAB DEBAT BAHASA MELAYU

Kelab ini ditubuhkan pada Januari 2017 rentetan daripada post-mortem pertandingan Festival Debat & Pidato Antarabangsa Politeknik Malaysia 5.0 Piala Ketua Pengarah JPP 2017. Kelab ini telah ditubuhkan oleh Cik Afifatun Nadhirah Binti Awang dan dibantu oleh seorang jurulatih iaitu En Muhamad Inamul Hassan Bin Mohd Hashim.

Pada awal penubuhannya, kelab ini hanya mendapat penyerta-an daripada 3 orang ahli sahaja. Namun pada tahun 2018, bilangan ini telah bertambah kepada 20 orang ahli dan diharapkan bilangan ini akan bertambah dari masa ke semasa

Visi utama kelab ini adalah untuk melahirkan pelajar PHT yang yang berfikiran kritis, kreatif dan berkepimpinan tinggi, manakala misinya adalah untuk melahirkan pelajar yang berkeyakinan serta berkepimpinan tinggi. Di samping itu, dengan wujudnya kelab sebegini diharapkan dapat membudayakan serta memperkasakan penggunaan Bahasa Melayu yang betul dan tepat sekaligus membasmi penggunaan bahasa rojak dalam kalangan pelajar.

**Pencapaian Peserta PHT dalam Festival Debat& Pidato Antarabangsa Politeknik Malaysia Piala Ketua Pengarah JPP.**

**DEBAT**

2017 : Team A (Peringkat Saringan)

2018 : Team A & Team B

(Peringkat Saringan)

**PIDATO**

2017 : Peringkat Saringan

2018 : Peringkat Akhir

(Tempat ke-8)




















# ULASAN EDITOR

***"Ilmu itu bukan yang dihafal, tetapi yang memberi manfaat'.***

(Imam Shafe'i)

Perjalanan mencari ilmu tidak terhenti di sekolah, bahkan disetiap genap kehidupan kita digalakkan untuk berterusan mencari dan menba ilmu. Bukanlah ilmu itu melainkan pelita hidup yang dapat memisahkan antara yang hak dan batil.

Penghasilan buletin ini dilihat menjadi titik permulaan kepada usaha menggiatkan budaya penulisan dan amalan membaca dalam kalangan warga PHT. Usaha sebegini amatlah wajar diteruskan bagi merealisasikan motto PHT iaitu "Politeknik Leads Your Future".



**Afifatun Nadhirah Awang**
**Unit Komunikasi Korporat PHT**

**Oleh: Zaidah Mamat**



# EKSA PHT

**Penjenamaan Semula Amalan 5S**

EKSA merupakan penjenamaan semula Amalan 5S yang telah diguna pakai dalam sektor awam sejak tahun 2010. Komponen utama dalam pelaksanaan EKSA masih berteraskan Amalan 5S yang ditambah baik di samping penambahan beberapa elemen baharu. EKSA bukan bertujuan untuk menggantikan konsep 5S yang diamalkan sebelum ini, sebaliknya menambah baik elemen 5S tersebut dengan menyokong kepada pewujudan persekitaran kerja yang lebih kondusif. Amalan 5S ditambah baik dengan menambah lima elemen baharu, iaitu:

- Imej Korporat;
- Kreativiti dan Inovasi;
- Amalan Hijau
- Persekitaran Kondusif; dan
- Kepelbagaian Agensi.

Diharapkan agar semua pihak di PHT dapat memberikan kerjasama yang terbaik dalam melaksakan EKSA melalui penyediaan persekitaran kerja yang kondusif dan budaya kerja yang positif.



**Zaidah binti Mamat**
**Pegawai EKSA PHT**

Objektif utama penjenamaan semula Amalan 5S:




*(Sumber: MAMPU)*

# POSTER



Oleh: Zaidah Mamat



# PHT LANCAR KEMPEN JOM JIMAT ELEKTRIK

Kempen Jom Jimat Elektrik merupakan program yang dilancarkan 24 Julai 2018 oleh Pengarah PHT, Tn. Hj Wan Mohd Hujjatullah bin Wan Ghazali, A.N.S. Inisiatif penganjuran program ini dibuat dalam usaha membudayakan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) dalam kalangan warga PHT.

Kempen Jom Jimat menyasarkan untuk mengurangkan kos operasi PHT dengan mempraktikkan budaya berjimat cermat terutamanya dalam penggunaan tenaga elektrik. Kempen ini akan berterusan sehingga bulan Disember 2018. Semasa pelancaran kempen ini, Pengarah PHT telah menerangkan kepada staf PHT serta para pelajar langkah-langkah untuk menjimatkan elektrik, kesan pembaziran tenaga elektrik kepada bumi dan langkah-langkah yang harus diambil untuk melindungi bumi. Bermula pada hari pelancaran tersebut, seluruh warga PHT perlu menutup suis penghawa dingin pada waktu rehat iaitu tepat jam 1.00 petang hingga 2.00 petang. Antara aktiviti lain yang telah dijalankan bagi menyokong program ini ialah dengan pengedaran poster Jom Jimat Elektrik serta penampalan poster Jom Jimat Elektrik di sekitar kawasan PHT oleh Unit Eksa PHT.



**Pengedaran poster Jom Jimat Elektrik kepada pelajar dan staf PHT**

# KERATAN AKHBAR

**Sinar Harian 30 Julai 2018, m/s 35, Ruangan Hulu Terengganu**



HULU TERENGGANU

35

## Jom jimat elektrik

*Politeknik Hulu Terengganu sasar ke arah kurangkan kos operasi*

NOOR HAYATI MAMAT

KUALA BERANG

Politeknik Hulu Terengganu (PHT) menganjurkan Kempen Jom Jimat Elektrik dalam usaha mengajak warga PHT mempraktikkan budaya berjimat-cermat dalam penggunaan elektrik.

Pengarah PHT, Wan Mohd Hujjatullah Wan Ghazali berkata, kempen berkenaan yang dilancarkan 24 Julai lalu merupakan salah satu program di bawah PHT Polykasih.

"Inisiatif penganjuran program ini dibuat dalam usaha membudayakan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (Eksa) dalam kalangan warga PHT.

"Kempen Jom Jimat menyasarkan untuk mengurangkan kos operasi PHT dengan mempraktikkan budaya berjimat cermat terutamanya dalam penggunaan tenaga elektrik.

"Kempen ini akan berterusan sehingga Disember 2018. Bermula hari pelancaran, suis penghawa dingin pada waktu rehat iaitu tepat jam 1 petang hingga 2 petang perlu dimatikan," katanya menerusi satu kenyataan.

Tambah beliau, pihaknya juga menerangkan langkah-langkah jimatkan elektrik, kesan pembaziran tenaga elektrik kepada bumi dan tindakan perlu diambil untuk melindungi bumi.

Katanya, antara aktiviti lain telah dijalankan bagi menyokong program ini ialah pengedaran poster Jom Jimat Elektrik serta penampalan poster tersebut di sekitar kawasan PHT oleh Unit Eksa PHT.

**info**

Kempen Jom Jimat Elektrik dilancarkan 24 Julai lalu hingga Disember tahun ini

Pelajar mematikan penghawa dingin sebagai simbolik Kempen Jom Jimat Elektrik di PHT, di Kuala Berang.





Pelajar menutup suis lampu dan menutup penghawa dingin

# PHT DAN PENYELIDIKAN INOV'CRAFT CONGKAK

***INOV'CRAFT CONGKAK*** telah dibuat melibatkan elemen *DIY* dan inovasi. Produk ini amat bermanfaat kepada pelbagai pihak dalam memastikan permainan tradisional sentiasa dimainkan. Dalam peredaan masa yang banyak menyebabkan kita leka dengan media hiburan atau permainan video sehingga permainan tradisi kita dilupakan. Dengan projek ini, dapat membantu sedikit sebanyak memberi kesedaran kepada umum tentang permainan tradisional. untuk memberi kepuasan kepada masyarakat setempat dan juga pelancong sama ada dari Malaysia ataupun luar negara. Produk ini juga diwujudkan untuk memberi pengetahuan tentang cara bermain congkak tradisional untuk semua orang. Ia sebenarnya dicipta sebagai cenderahati supaya pelancong boleh membelinya dengan harga yang mampu dimiliki dan membawa mesej kepada tempat mereka.

INOV' CRAFT CONGKAK ini direka khas bagi memudahkan pengguna untuk membawa kerana ianya boleh dilipat dan apabila dibuka pula akan berbentuk ikan dengan menggunakan kayu pallet pain yang ringan. Produk ini juga menggunakan unsur tradisional kerana menggabungkan empat jenis bahan utama iaitu, kayu pallet pain, tempurung, biji getah dan batik Terengganu. Dengan penghasilan produk ini, dapat mempromosikan permainan congkak yang diinovasikan dan DIY se-

**(SITI MURNI MAT ALI)**
**PENSYARAH JABATAN PELANCONGAN DAN HOSPITALITI**






## FABRIK OF TERENGGANU: DIY BABY SHOES



(HERDAYANTY ABDUL VZIZ)
PENSYARAH JABATAN PELANCONGAN DAN HOSPITALITI

## FELT ART HANDICARAFT

(NOR HASNITA NAWI)
PENSYARAH JABATAN PELANCONGAN DAN HOSPITALITI



**Oleh: Zaidah Mamat**



# THE ROLLING DICE

"Rolling Dice" ialah inovasi pembelajaran dan pengajaran yang boleh digunakan untuk mengajar di samping menarik minat pelajar untuk melancong di dalam negara. "Rolling Dice" ini adalah permainan yang diinovasikan dari buah dadu yang berada dalam permainan seperti Monopoly dan Saidina. Inovasi ini adalah untuk menyelesaikan masalah kepada jabatan iaitu berkenaan dengan isu **kesukaran pelajar memahami topik fakta.**




**NURUL ILYANI ABDULLAH & NORLI YANAWATI ZAKARIA**
**PENSYARAH JABATAN PELANCONGAN DAN HOSPITALITI**

# TOURISM EDU GAME DIAPLIKASI OLEH PIHAK LUAR

Penyerahan produk inovasi "Tourism Edu Game" kepada Pegawai Perpustakaan Awam Hulu Terengganu telah disampaikan oleh Pengarah PHT, Wan Mohd Hujjatullah bin Wan Ghazali. Dengan penyerahan ini, ia dapat memenuhi KPI PHT yang mana produk inovasi PHT telah diaplikasi oleh pihak luar atau komuniti luar. Tourism Edu Game ialah inovasi yang berbentuk permainan bersifat ilmiah yang mana pengguna inovasi ini dapat mempelajari pelancongan yang ada di Malaysia sambil bermain.

**(HAJI ABU BAKAR BIN ZAKRIA)**
**PENSYARAH JABATAN PENGAJIAN AM**




# DIY MALAYSIAN CRAFT KIT TRISHAW



**NORLI YANAWATI ZAKARIA**
**PENSYARAH JABATAN PELAN-**



Komitmen pelajar dan pensyarah PHT dalam menghasillkan inovasi dan penyelidikan mencapai KPI yang telah ditetapkan. Tahun 2019 adalah tahun melonjakkan industri 4.0 dalam inovasi dan penyelidikan

**Nazli Hulwani Abdullah**
**(Ketua Unit Penyelidiakan dan Inovasi)**

# PHT HEBAT


POLITEKNIK HULU TERENGGANU
BANGUNAN KEDAI 3 TINGKAT
MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU
21700 KUALA BERANG, HULU TERENGGANU

Phone: 09-6825555
Fax: 09-68255556
Email: www.pht.edu.my


PHT LEADS YOUR FUTURE

Politeknik Hulu Terengganu

polihuluterengganu_official

polihulutrg


ISBN 978-967-16330-1-4

9 789671 633014


Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

PHT Hebat merupakan buletin PHT yang memuatkan kisah kecemerlangan warga kerja PHT. Warga kerja PHT sentiasa melakukan yang terbaik untuk tugas dan tanggungjwab yang diamanahkan.Tahun 2018 merupakan tahun yang sangat bermakna kepada warga kerja PHT kerana berjaya mencapai KPI yang telah ditetapkan oleh JPP.Tahun 2019 adalah tahun PHT mencipta nama dalam pelbagai bidang.

Syukur Alhamdulillah PHT HEBAT Bil 2/2018 Edisi JUN- DISEMBER 2018 telah dapat diterbitkan dengan jayanya hasil kerjasama sidang redaksi dan Warga kerja PHT yang turut sama berkongsi idea serta memberi inspirasi dan manfaat kepada semua yang membaca PHT Hebat edisi yang kedua ini. Selamat Membaca.

*Nurul Ilyani Abdullah*

*Ketua Editor PHT HEBAT*


QUALITY SYSTEM SIRIM IQNet
CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : QMS 03271


PHT PENERAJU MASA DEPAN ANDA

*PHT LEADS YOUR FUTURE*

## AMANAT PENGARAH TAHUN 2019

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera. Selamat Mendepani Tahun Baharu 2019 buat Warga PHT (Warga Kerja & Siswa Siswi PHT). Semoga tahun 2019 lebih baik dan lebih cemerlang buat diri kita, keluarga kita, sahabat-sahabat strategik kita, negara kita dan Politeknik kita. Semoga tahun 2019 memberi harapan dan sinar yang lebih bermakna kepada kita. Tirai Tahun 2018 berlabuh meninggalkan kita dgn 1001 memori dan cerita-cerita kecemerlangan dan kejayaan yang kita lakarkan bersama pasukan kita PHT HEBAT. Setinggi penghargaan dan terima kasih kpd seluruh warga PHT di atas sokongan dan kerjasama padu dalam menjayakan aktiviti PHT sepanjang tahun 2018.

Kini kita berhadapan cabaran tahun 2019 yang lebih mencabar untuk melonjakkan PHT ke arah kecemerlangan dan keunggulan. Tahun 2019 merupakan tahun PHT mencipta jenama PHT HEBAT. Untuk mencipta jenama PHT perlu menonjolkan kehebatan dan kecemerlangan dalam pelbagai bidang secara holistik. Kecemerlangan holistik yang dimaksudkan ialah kecemerlangan akademik, kokurikulum, sukan, keusahawanan, penyelidikan, inovasi, penerbitan, e-learning dan pembelajaran digital termasuk kecemerlangan dalam bidang tujahan dan sebagainya serta bersedia menjadi juara dengan memberi cabaran sengit dan semangat juang yang tinggi dalam setiap pertandingan yang kita sertai.Cabaran dan rintangan juga perlu kita hadapi dlm melonjakkan PHT pada tahap hebat dan tersohor terutama dalam era industri 4.0, gig ekonomi dan kecerdikan buatan ( Artificial Inteligence). Era ini memerlukan kita bekerja



lebih hebat untuk menyaingi cabaran yg mendatang dalam menghasilkan graduan yang memiliki skill dan kemahiran yang tinggi. Kerja yang dulunya dilakukan oleh manusia kini diambil alih oleh mesin secara digital. Melakukan pelbagai kerja dalam satu masa menjadi budaya dan robot-robot ciptaan mengantikan peranan manusia. Graduan/ pekerja yang diperlukan pada masa ini adalah pekerja yang mampu menguasai skill kemahiran yang tinggi, mencipta sistem dan program untuk menyusun jadual dan pengaturcaraan, menggerakkn mesin dan robot dan lain-lain.

Saya yakin dengan kemenangan, kejayaan dan kecemerlangan yang dicapai sepanjang tahun 2018 Pasukan PHT akan mampu bersaing untuk mencipta kemenangan dan kecemerlangan PHT untuk musim baru 2019. Kerjasama berpasukan yang mantap, disiplin yang tinggi, ilmu dan kemahiran yang hebat, ketahanan fizikal dan mental, jatidiri dan semangat juang yang kental merupakan ramuan penting dalam melonjakkan PHT ke peringkat terhebat mencipta jenama PHT HEBAT.Semoga warga PHT mampu dan bersedia menghadapi cabaran-cabaran ini. Warga kerja PHT cemerlang melahirkan Graduan hebat. Graduan PHT HEBAT dan berkualiti serta holistik merupakan aset dan penggerak kepada kemajuan dan pembangunan negara kita. Terima kasih dan setinggi penghargaan di atas komitmen dan pencapaian tahun 2018. Agenda kecemerlangan tahun 2019 kini diteruskan. Semoga semua urusan dan tugasan kita dipermudahkan. Selamat Tahun Baharu 2019 dan Selamat Maju Jaya.

PHT Leads Your Future.

#phtleadsyourfuture